



MAM Malaysia sasar AUM sehingga RM200 juta bagi dana baharu tahun ini

14/02/2023 06:25 PM

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) – Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM Malaysia) menasaskan aset di bawah pengurusan (AUM) bernilai RM150 juta hingga RM200 juta bagi dana pelbagai aset patuh Syariah Maybank Global Wealth Conservative-I Fund tahun ini.

Dana baharu itu menyertai dana lain iaitu Maybank Global Wealth Moderate-I Fund dan Maybank Global Wealth Growth-I Fund yang merupakan sebahagian daripada tawaran Penyelesaian Persaraan Fleksibel Maybank yang dilancarkan pada tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Ahmed Muzni Mohamed berkata MAM Malaysia juga menasaskan AUM minimum RM1 bilion secara keseluruhan bagi 2023 melibatkan semua tawaran persaraannya yang kini merangkumi tiga dana – pertumbuhan, dana sederhana dan konservatif.



“Perancangan persaraan kekal menjadi satu masalah di Malaysia. Ramai menganggap persaraan ini hanya apabila mencapai usia tua. Namun, berpandukan kenaikan kos sara hidup dan inflasi yang berterusan, kita sebaliknya perlu memupuk kepentingan sokongan atau tambahan terhadap simpanan persaraan sedia ada dan seawal mungkin untuk memastikan bersara dalam kewangan yang terjamin.

“Oleh itu, dana kami memberi rakyat Malaysia lebih banyak fleksibiliti serta pilihan dalam memulakan perancangan dengan merangka semula pendekatan tradisional berasaskan umur kepada (bentuk) perancangan persaraan.

“Ini menjadikannya lebih menarik untuk khalayak lebih meluas dengan mengetengahkan penyelesaian mengikut pemahaman dan menasaskan pelbagai peringkat kehidupan, masa serta matlamat kewangan mereka,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran dana tersebut di sini, hari ini.



Sementara itu, mengulas dana Maybank Global Wealth Conservative-I Fund, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (Maybank Islamic AM) Mohamed Belqazi Mohamed Taufik berkata dana tersebut bertujuan memberi pembayaran pendapatan lebih tinggi selain modal untuk mengubah aset kepada pendapatan secara sistematik.

“Pendekatan baharu ini dapat menambah pendapatan pasca persaraan atau tempoh berhenti kerja. Dana ini menasaskan untuk mencapai agihan pendapatan sebanyak 7.0 peratus setahun dengan 5.0 peratus daripada sasaran pengagihan semula setahun dan 2.0 peratus lagi daripada pengeluaran modal.

"Bagi mencapai objektif pelaburan ini, peruntukan aset bagi dana itu merangkumi minimum 70 peratus dalam sukuk dan selebihnya dilaburkan dalam ekuiti dan tunai," katanya.

Beliau berkata, pengagihan pendapatan itu adalah secara suku atau kekerapan lain yang diputuskan oleh pengurus dana.

"Mengikut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sebanyak 73 peratus daripada penyumbang aktifnya kekurangan dana iaitu kurang daripada simpanan minimum RM240,000 bagi persaraan mereka.

"Perancangan persaraan menjadi kian sukar di Malaysia berikutan kesan daripada pandemik serta pengeluaran yang telah dilakukan. Adalah dijangkakan tempoh selama 4-6 tahun diperlukan untuk mencarum semula simpanan yang dikeluarkan itu untuk bersara.

"Faktor seperti jangka hayat lebih panjang, kos sara hidup tinggi akibat inflasi, ketidaktentuan pasaran dan risiko kemelesetan hanya menunjukkan kepentingan untuk rakyat Malaysia mendapatkan penyelesaian yang fleksibel demi jaminan kewangan di kemudian hari," katanya.

Dalam pada itu, MAM Malaysia telah melantik Schroder Investment Management (Singapore) Ltd (Schroders) sebagai penasihat pelaburan bagi penyelesaian itu.

Bersandarkan sokongan hampir dua dekad terhadap komuniti pelaburan Malaysia, Schroders menguruskan aset bernilai lebih RM4 trilion setakat 30 Jun 2022 di peringkat global dan antara penyedia penyelesaian Syariah terbesar di Malaysia.

Pelabur yang berminat boleh membeli unit dana ini pada pelaburan awal minimum RM1,000 dan membuat pelaburan tambahan sekurang-kurangnya RM100.

Maklumat lanjutnya mengenainya di laman sesawang www.maybank-am.com.my atau melabur melalui cawangan Maybank di seluruh negara.

– BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)



Kata Kunci

maybank asset management sdn bhd

dana persaraan

pelaburan

shroders

Berita Berkaitan

Syarikat Belanda, Australia suarakan minat melabur di Johor - Onn Hafiz

Delegasi kerajaan Kemboja ke Perbadanan Labuan untuk kerjasama ekonomi

Pelaksanaan dasar, inisiatif nasional akan rancakkan ekonomi negara - Agong

Lagi Berita

Anwar selamat tiba di tanah air dari Turkiye

Isu penipuan tawaran pekerjaan antara tumpuan Dewan Rakyat Khamis

KDN akan keluarkan tahanan kanak-kanak di Depot Imigresen - Saifuddin

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603 2693 9933 / +603 2631 1000 (Talian Am)

+601 6415 2766 (Bernama.com)

+603 2631 1535 / 1252 (Wires)

+603 2631 1112 (Digital Services)

+603 2631 1123 (PR/MREM Services)

+603 2631 1510 (Subscription)

+603 2631 1447 (Bernama TV)

+603 2692 9739 (Bernama Radio)

helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- B Fokus
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Sukan Komanwel 2022
- HAWANA 2022
- BAJET 2022
- Kesihatan
- Johor Votes 2022
- Sarawak Tok
- Malaysia @ Expo2020 Dubai
- Bencana Negara

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender
- Maklum Balas Pelanggan 2023